

Publication Series Of The Science & Technology Commission
Siri Penerbitan Suruhanjaya Sains & Teknologi



by

Mohamad Osman

Mamot Said

Farida Habib Shah



Suruhanjaya Sains & Teknologi, NCWO
Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita (NCWO)



Wanita Dalam Talian:

Panduan untuk Memahami dan Menggunakan Internet

*Panduan dalam bahasa Melayu yang mudah
untuk mereka yang baru belajar menggunakan Internet*

Mengandungi:

- Semua yang anda perlu ketahui mengenai asas Internet
- Semua yang anda perlu untuk dapat berhubung dengan Internet
- Tutorial langkah demi langkah yang penting dalam menggunakan Internet
- Beberapa Soalan Bagaimana yang penting untuk ditanyakan
- Laman web yang berguna
- Glosari

*Mohamad Osman • Mamot Said
Farida Habib Shah*



Hak cipta © NCWO

*Wanita dalam talian:
Panduan untuk memahami dan menggunakan Internet*

Cetakan Pertama 2002

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengulang cetak, menyimpan dalam sistem dapatan semula, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan cara apa jua, sama ada secara elektronik, mekanik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Jenama produk yang disebutkan dalam buku ini dipegang oleh syarikat yang mengeluarkannya, dan setiap usaha telah dilakukan untuk menjejaki pemegang hak cipta. Penerbit memohon maaf atas sebarang perkara yang tidak dimasukkan yang tidak disengajakan dan akan berbesar hati, dalam kes tersebut, untuk memuatkan penghargaan dalam penerbitan edisi akan datang.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Mohammad bin Osman

Wanita dalam talian: Panduan untuk memahami dan menggunakan Internet / Mohammad bin Osman, Mamot Said, Farida Habib Shah. (Siri Penerbitan Suruhanjaya Sains & Teknologi)
ISBN 983-40583-5-7

1. Women - Effect of automation on. 2. Internet literacy - Sex differences
3. Computers and women. I Mamot Said. II. Farida Habib Shah.
III. Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO).
IV. Judul. V. Siri: Penerbitan Suruhanjaya Sains & Teknologi.
303.4834082

Dicetak oleh: Palm Print Corporation Sdn Bhd (505145-A)

Prakata

Bermula dengan telefon bimbit, setiap kejayaan dalam komunikasi elektronik telah mengubah cara manusia berkomunikasi. Di ambang menjejaki milenium ini, kita mempunyai maklumat lebuh raya besar - teknologi baharu yang menggabungkan telefon, video, komputer dan perdagangan elektronik lain ke dalam satu laluan tunggal – yang memberikan keseluruhan makna baharu kepada lanskap komunikasi kita. Dengan menggabungkan teknologi baharu sebagai dasar dengan teknologi komputer yang berubah dengan sangat cepat, berjuta-juta komputer kini digabungkan dengan berjuta-juta komputer lain pula. Ini dengan cepatnya telah membentuk rangkaian besar bagi jaringan komputer, atau apa yang kita kenali sekarang sebagai Internet.

Internet kini merupakan sebahagian daripada kehidupan kita dan dalam masa yang singkat sahaja dalam kehidupan kita, Internet kini merevolusikan cara kita bekerja, berkomunikasi, melayan, serta menjalankan perniagaan dan juga mencipta banyak perkembangan baharu dan menyeronokkan. Sesungguhnya, Malaysia telah mencatatkan kejayaan-kejayaan yang bererti dalam mengambil faedah daripada Internet. Perkembangan yang sangat besar ialah penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC), dan menjadikan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebagai alat yang sangat penting bagi pertumbuhan dan perkembangan.

Penerbitan buku ini merupakan satu daripada beberapa inisiatif bagi projek yang dinamakan “Jaringan Wanita: Pengupayaan melalui ICT”, yang dibiayai sebahagiannya oleh DAGS, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Malaysia. Antara matlamat-matlamat utama projek ini ialah untuk menimbulkan kesedaran mengenai penggunaan dan faedah ICT, menyediakan latihan dan menentukan wanita dari semua lapisan kehidupan menggunakan Internet.

Penerbitan ini merupakan panduan mudah untuk memahami dan menggunakan Internet, dan ditujukan kepada mereka yang baru belajar yang mahu meneroka Internet dan mengambil faedah daripada semua sumber yang boleh diperolehi daripadanya. Anda akan mempelajari segala-gala yang anda perlu ketahui mengenai asas Internet, semua perkara tentang hendak berhubung dengan Internet, panduan langkah demi langkah tentang penggunaan Internet dan beberapa soalan yang penting untuk ditanyakan. Apabila anda telah berhubung dengan Internet, anda memerlukan sesuatu arah untuk ditujui – di sini, anda disediakan dengan satu senarai laman web yang berguna dan yang boleh anda mulakan untuk menjelajahi web. Pengguna baharu internet akan kebingungan dengan akronim, singkatan, dan istilah baharu yang digunakan – oleh itu, anda disediakan dengan glosari yang akan menerangkan makna kebanyakan istilah dan jargon yang digunakan.

Dalam menyediakan penerbitan ini, kami banyak dibantu oleh penerbitan berikut: “Asas ...Internet” oleh Computimes Shopper Malaysia, “101 Essential Tips, Using the Internet” (1999) oleh Dorling Kindersley,” The Internet in Malaysia” oleh Shekar Shanmugam (1999), “How to Use the Internet” (edisi kelima, 2000) oleh Rogers Cadenhead, dan “Internet Made Easy” (2001) dalam majalah terbitan Paragon Publishing.

Sebagaimana yang diperkatakan oleh banyak orang, tidak ada penerbitan yang mengandungi maklumat terkini mengenai teknologi dan perkembangan Internet. Hanya Internet itu sendiri yang terkini sifatnya.

Dengan terbitnya buku ini, kami berharap pembaca, terutamanya wanita, akan mendapati bahawa menggunakan Internet tidak merupakan pengalaman yang menakutkan. Selamat meneroka dunia Internet yang baharu dan tanpa sempadan.

Prof Madya Dr. Mohamad Osman
Prof. Madya Dr. Mamot Said
Prof. Dr. Farida Habib Shah
Universiti Kebangsaan Malaysia
30 Julai 2001